

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date      | 17/12/2010      |



# WikiLeaks-mania, RPK, nasib Anwar Ibrahim

UM - 17/12/2010

TIBA-TIBA satu dunia kecoh tentang WikiLeaks, sebuah laman web yang mendedahkan pelbagai rahsia kerajaan, dari Amerika Syarikat hingga ke Eropah dan Asia. Malah Malaysia serta negara-negara jiran ASEAN tidak terkecuali.

Pelbagai “pendedahan” tentang isu dalam negara mahukan hubungan antarabangsa “dilondehkan” satu persatu.

Bagaimanapun, Dr. Mohd Khir Toyo dalam blognya, *drkhir.com* berkata, semua pihak tidak seharusnya begitu ghairah dengan pelbagai pendedahan WikiLeaks terutama memabitkan nama Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana ia hanya bersifat “gosip diplomatik” yang dibuat oleh negara-negara yang bersaing dengan Malaysia.

“Apa yang dicatat dalam nota diplomatik terbabit merupakan perbincangan dan gosip umum di Malaysia sejak beberapa tahun lalu. Hanya kerana ia diucap semula oleh pemimpin negara Singapura kepada diplomat negara lain dan kemudiannya dijadikan laporan perisikan dan diplomatik oleh Amerika Syarikat tidak bermakna ia satu kebenaran, apatah lagi satu fakta.

“Nota-nota diplomatik yang didedahkan dalam beberapa isu memabitkan negara ini lebih merupakan catatan persepsi dan pandangan diplomat, duta dan pemimpin negara tertentu yang belum tentu sah dan benar. Apatah lagi kenyataan-kenyataan daripada pemimpin Singapura tersebut langsung tidak

disertakan bukti dan fakta,” katanya.

Beliau khawatir akan ada rakyat yang keliru dengan WikiLeaks dan menganggap ia satu kebenaran sehingga mempengaruhi mereka membuat keputusan dalam sesuatu isu.

“Satu-satunya kebaikan WikiLeaks ialah ia membolehkan kita memahami bagaimana Amerika Syarikat dan sekutunya merangka membuat keputusan dalam sesuatu isu.

“Satu-satunya kebaikan WikiLeaks ialah ia membolehkan kita memahami bagaimana Amerika Syarikat dan sekutunya merangka membuat keputusan dalam sesuatu isu. Blog Apa Nama (*apanama2020.blogspot.com*) berkata, kita tidak memerlukan maklumat dari Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew atau WikiLeaks untuk memberitahu sifat Anwar yang cenderung terhadap hubungan sejenis kerana mahkamah di Malaysia sendiri sudah mengesahkannya pada 2004 lalu ketika perbicaraan kes liwat pertamanya.

Katanya, pada masa itu Mahkamah Persekutuan menolak keputusan Mahkamah Tinggi bahawa Anwar melakukan aktiviti homoseksual di Tivoli Villa Bangsar antara 1993 dan 1995 berdasarkan teknikal seperti percanggahan tarikh dan masa berlaku penetrasi.

“Jadi, persoalan utama kenapa para pemimpin AS, Britain atau negara jiran Singapura mendedahkan apa yang semua orang sudah ketahui sebelum ini? Apakah kerana mereka mengharapkan Anwar menjadi Perdana Menteri dan mudah bagi mereka memegang “telur” dan menukar Malaysia seperti

acuan yang mereka mahu?” kata blog ini.

Blog Ruang Bicara Faisal (*ruangbicarafaisal.blogspot.com*) pula berkata, kalau dia berada di tempat Anwar, dia tidak akan membuat penafian dengan berceramah sehingga berbelit lidah di seluruh ceruk kampung dan tempat tetapi mengambil jalan mudah dan cepat.

“Iaitu bersumpah mengikut cara Islam seperti mana yang dilakukan oleh Saiful (Bukhari Azlan). Dua minit selesai segala masalah. Kalau Anwar boleh lakukan yang itu, pasti kerajaan Najib akan hilang sokongan. Berbondong-bondong rakyat akan mengalih sokongan mereka terhadap Anwar.

“Pada saya perkara ini tidak boleh dibuat main-main. Ini soal maruah, soal integriti dan soal masa depan.

Kita tak buat sedangkan orang tuduh kita buat. Nak tunggu keputusan mahkamah lambat lagi. Saban hari ada saja orang memperkatakan tentang kita.

“Kenapa nak pilih jalan sukar sedangkan jalan mudah terbentang depan mata. Yang kita duduk pening dengan Anwar sampai hari ini adalah kenapa dia tak nak bersumpah. Orang tuduh dia meliwat, dia kata tak buat dan itu semua fitnah.

“Orang suruh bersumpah menafikan tuduhan, dia tak nak. Prosiding mahkamah asyik ditangguh-tangguh.

Habis, macamana nak bersihkan maruah? Mengaku tak nak, bersumpah pun tak nak, mah-

kamah ditangguh-tangguh,” kata blog tersebut.

Sementara itu, Zakhir Mohamed (*bigdotcom.wordpress.com*) yang menyentuh mengenai tindakan rakan Anwar, Raja Petra Kamaruddin yang kini semakin lantang mengkritik pakatan pembangkang, sedangkan sebelum ini semua tahu bahawa beliau merupakan sekutu kuat Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu.

Bagaimanapun, katanya, ia bukan kali pertama Raja Petra membuat serangan terbuka terhadap Anwar dan sebab utama dia berbuat sedemikian ialah kerana wang seperti mana yang dilakukan pada Pilihan Negeri Sarawak 2006 lalu.

“(Pada masa itu) Raja Petra menyerang Anwar dan ‘Kepimpinan Ketat’ PKR (Wan Azizah, Azmin Ali, Ezam Md. Noor) kerana duit yang diperuntukkan untuk pilihan raya tersebut bagi operasi PKR di Sarawak didapati ‘tidak turun’. Beliau mengambil langkah untuk menyerang Anwar secara terbuka melalui laman blog *Malaysia Today*.

“Kebarangkalian blogger ini (Raja Petra) mengambil kedudukan ini terhadap Anwar dan kroni adalah sebab duit adalah amat besar. Ini kerana ia pernah berlaku dan beliau sendiri mungkin dalam keadaan kesempitan wang kerana kos tinggi tinggal di United Kingdom dan kemungkinan berhadapan dengan masalah peribadi yang rumit,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, serangan ke atas Anwar dan kroni itu berkemungkinan besar

sebagai satu sandiwara memandangkan PKR kini berada dalam keadaan tertekan akibat masalah dalaman yang terdedah satu persatu, termasuk pendedahan yang dibuat oleh WikiLeaks.

Blog Gelagat Anwar (*gelagatanwar.wordpress.com*) pula berkata, Raja Petra kini marahkan Anwar dan pakatan pembangkang yang teralalu manja dan tidak mampu untuk berpolitik secara jantan sebaliknya lebih mengharapkan orang lain.

“RPK (Raja Petra) mungkin dah terbaca kenyataan penuh Anwar mengenai WikiLeaks. Bukan sahaja Anwar tidak kiLeaks secara intelektual, malahan merepek kepada soal ugutan bunuh dan bagaimana dia mendapat layanan istimewa di Kedutaan Turki.

“Inilah masalah dengan Anwar, dia tidak boleh orang lain sentuh dia. Dia tahap dewa. Ini yang RPK kata Anwar ni tidak boleh kena, waima satu ‘pelempang’ pun. Manja. Main politik ‘ayu’ dan kononnya innocent (tidak melakukan kesalahan). Tapi kalau cakap berdegar-degar,” kata blog ini.

Kata blog ini, Raja Petra menyatakan perkara yang perlu Anwar dan pakatan pembangkang lakukan dan bukannya hanya memburuk-burukkan orang lain dan untuk pastikan Putrajaya menjadi milik mereka dengan politik dendam manakala Pas pula sekadar menjadi pak turut.